

BAB KESEMBILAN

RUMUSAN DAN CADANGAN

9- 0 PENDAHULUAN

9 - 1 RUMUSAN

9- 2 CADANGAN

9 - 3 PENUTUP

BAB KESEMBILAN

RUMUSAN DAN CADANGAN

9.0 PENDAHULUAN:

Dalam bab terakhir ini penulis akan dahului dengan rumusan kajian yang dilakukan, kemudian disusuli dengan membicarakan tentang masalah-masalah am yang dihadapi oleh pelajar-pelajar bukan Arab dalam mempelajari bahasa Arab. Seterusnya penulis mengemukakan cadangan-cadangan yang perlu bagi mengatasi masalah-masalah tersebut. Kemudian disertasi ini disudahi dengan penutup.

9.1 RUMUSAN:

Al-nawāsikh adalah merupakan `amil`amil yang digunakan pada ayat-ayat namaan yang terdiri dari subjek dan predikat, seterusnya ia mengubah subjek dan predikat itu kepada kedudukan deklensi lain yang dinamakan ism dan khabarnya.

Dari aspek makna, pemakaian al-nawāsikh pada ayat namaan memberi kesan makna yang hendak disampaikan dengan tepat.

Jika dikaji dari aspek `amal, al-nawāsikh terbahagi kepada tiga bahagian:-

Pertama: Al-nawāsikh yang merafa'kan subjek dan menaşabkan predikat. Ianya terdiri dari kata kerja kāna dan komponen-komponennya, kata kerja kāda dan komponen-komponennya dan partikel-partikel yang sama `amalnya dengan laisa.

Kedua: Al-nawāsikh yang menaşabkan subjek dan merafa'kan predikat. Ianya terdiri daripada partikel inna dan komponen-komponennya dan partikel 'lā' penafi jenis.

Ketiga: Al-nawāsikh yang menaşabkan subjek dan juga predikat. Ianya terdiri daripada kata kerja zanna dan komponen-komponennya.

Dari aspek bentuk dan lafaz, al-nawāsikh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu:-

Pertama: Al-nawāsikh yang terdiri daripada kata kerja-kata kerja, iaitu kāna dan komponen-komponennya, kāda dan komponen-komponennya dan zanna dan komponen-komponennya.

Kedua: Al-nawāsikh yang terdiri daripada partikel-partikel, iaitu partikel-partikel yang sama `amalnya dengan laisa, inna dan komponen-komponennya dan partikel 'lā' penafi jenis.

Al-nawāsikh ini berfungsi sebagai `amil dalam ayat namaan apabila memenuhi syarat-syarat tertentu mengikut kaedah atau undang-undang tata bahasa Arab.

Kata kerja kāna dan komponen-komponennya dan kata kerja kāda dan komponen-komponennya selain dinamakan al-nawāsikh, ia juga dinamakan

kata kerja-kata kerja tidak lengkap, kerana pemakaiannya dalam ayat tidak menjadi lengkap tanpa menyebut khabarnya yang mansub.

Adapun partikel *inna* dan komponen-komponennya, selain dinamakan *al-nawāsikh*, ia dinamakan juga partikel-partikel yang serupa dengan kata kerja *kala* lampau kerana merujuk kepada makna-maknanya yang sama dengan makna-makna yang ada pada kata kerja. Di samping itu, tanda baris pada akhiran partikel-partikel ini juga menyamai baris akhiran kata kerja *kala* lampau.

Walaupun terdapat setengah kata kerja transitif yang menasabkan dua objek, namun ianya berbeza dengan kata kerja *zanna* dan komponen-komponennya, kerana kata kerja-kata kerja ini menasabkan dua objek yang asalnya daripada subjek dan predikat, sedangkan kata kerja-kata kerja lain tidak sedemikian.

8.2 CADANGAN:

Ramai didapati pelajar bukan Arab yang mempelajari bahasa Arab sebagai bahasa kedua, khususnya pelajar-pelajar Melayu menghadapi masalah penggunaan *al-nawāsikh* dalam bahasa Arab. Mereka kurang mampu menggunakannya dalam pertuturan atau pun lisan dengan tepat mengikut makna-makna sebenar yang hendak disampaikan. Masalah ini berlaku antara lainnya berpunca daripada perbezaan ketara dalam kaedah bahasa Arab dengan kaedah-kaedah bahasa ibunda pelajar itu sendiri.

Mengikut Robert Lado (1951) "Susah atau senangnye pengajaran bahasa Asing bagi pelajar-pelajar dapat diramalkan melalui setakat mana komparatif yang teratur dapat dibuat antara bahasa pelajar dan bahasa asing itu".

Einer Haugan (1953) menegaskan "Kebanyakan kesilapan bahasa-bahasa yang dilakukan oleh pelajar bahasa asing sebenarnya menggambarkan hakikat ketidaksamaan di antara dua bahasa itu. Ini dapat dirujuk kepada berbezaan yang jelas di antara bahasa pelajar dan bahasa asing yang dipelajarinya".

Dari penjelasan pakar-pakar linguistik di atas dapat kita membuat kesimpulan bahawa sejauh mana kesusahan-kesusahan yang dihadapi oleh pelajar sewaktu mempelajari bahasa asing sebagai bahasa sasarannya bergantung kepada keluasan perbezaan antara bahasa ibundanya dengan bahasa asing atau bahasa sasaran yang hendak dipelajarinya itu.

Masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar dalam menggunakan al-nawasikh dalam bahasa Arab merupakan satu daripada masalah keseluruhannya. Ianya merupakan satu masalah cawangan sahaja, bukannya masalah pokok. Masalah pokoknya terletak pada semua aspek pengajaran dan pembelajaran serta yang berkaitan dengannya.

Untuk menguasai masalah-masalah dengan lebih berkesan, maka usaha dan kerja sama dari semua pihak adalah sangat diperlukan. Secara ringkas jadual berikut menunjukkan cadangan-cadangan yang telah dibuat untuk mengatasi masalah yang dihadapi dan seterusnya mempertingkatkan mutu pencapaian bagi pelajar-pelajar bahasa Arab sebagai bahasa kedua.

JADUAL CADANGAN-CADANGAN

MANUSIA	Pelajar	P1 - Sikap dan Minat
		P2 - Cara Belajar
		P3 - Latihan Bahasa
	Guru	G1 - Beban Tugas
		G2 - Kualiti
		G3 - Sikap
		G4 - Interaksi
	Ibubapa	Ib1 - Sikap
		Ib2 - Sosio Ekonomi
PERSEKITARAN	Ruang	R1 - Saiz Kelas
		R2 - Keceriaan
	Masa	M1 Pengajaran
		M2 Latihan
		M3 Ko-Kurikulum
	Bahan	B1 - Alat Pandang Dengar
		B2 - Alat Bantu Mengajar
		B3 - Bahan Aktiviti Murid
	Proses	P1 - Cara Mengajar
		P2 - Penyeliaan
		P3 - Peningkatan Motivasi

1 - Pelajar:

Minat pelajar terhadap pelajaran bahasa Arab perlu diberi perhatian. Begitu juga cara-cara untuk mengekalkan minat mereka terhadap pelajaran ini.

Untuk menimbulkan minat pelajar terhadap pelajaran ini maka suatu rancangan yang teratur dan sistematik perlu disusun. Kaedah-kasedah pengajaran dan pembelajaran yang menarik dan berkesan adalah satu cara untuk menarik minat pelajar.

Latihan yang mencukupi dan berterusan perlu dikemukakan. Bagi pelajar-pelajar yang lemah perlu diadakan klinik bimbingan yang khusus. Evaluasi pada penghujung pengajaran setiap period perlu dilakukan bagi memastikan setiap proses pengajaran dan pembelajaran mencapai objektifnya.

2. Guru:

Guru perlu bersikap jujur dalam memikul beban tugas dan lebih bermotivasi. Dalam hal ini guru perlu memahami tugas mereka dan memahami sepenuhnya peranan mereka sebagai seorang guru. Tanggungjawab terhadap tugas perlu diberi keutamaan. Sebagai seorang pendidik yang bertanggungjawab maka sifat, watak dan sikap berikut adalah perlu dipraktikkan (Rajah Sikap Guru).

RAJAH SIKAP GURU



Untuk mempertingkatkan kualiti guru-guru bahasa Arab, maka kursus-kursus, bengkel-bengkel dan seminar-seminar perlu diadakan dari semasa kesemasa bagi membincangkan masalah pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab serta cara-cara penyelesaiannya. Keinginan untuk cuba memperbaiki sebarang kelemahan diri perlu ada dan perlu bermotivasi selalu supaya kualiti diri semakin bertambah baik dan mantap.

Guru perlu ada sikap positif dalam tugas, supaya pengajaran akan menjadi lebih berkesan. Tanggungjawab-tanggungjawab yang diberi perlu dipikul dengan jujur dan ikhlas. Sikap pentingkan diri perlu diketepikan dan hendaklah menerima tugas dan tanggungjawab secara positif.

Guru bahasa Arab selain daripada menjadi pendidik, ia juga hendaklah menjadi seorang yang sentiasa dihormati dan dipercayai oleh pelajar. Dengan adanya interaksi yang baik antara guru dengan pelajar ia dapat membantu

meningkatkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran yang lebih baik.

3. Ibubapa:

Sikap ibubapa yang tidak suka berbincang dengan guru mengenai masalah pembelajaran anak-anak, mereka juga menjadi satu punca kelemahan pelajar dalam pelajaran. Oleh yang demikian, ibubapa atau penjaga perlu diberi kesedaran dan motivasi bahawa mereka juga memainkan peranan yang bukan kecil untuk kemajuan anak-anak mereka. Guru juga perlu banyak mengadakan perjumpaan dengan ibubapa atau penjaga pelajar bagi berbincang dan mengenalpasti punca kelemahan pelajar dalam pembelajaran khususnya bahasa Arab.

Taraf sosio-ekonomi keluarga juga antara kelemahan pelajar. Bilangan ahli keluarga, tempat tinggal yang tidak selesa serta pendapatan yang kecil mendorong ibubapa mengutamakan cara-cara menambah pendapatan dari pelajaran anak-anak mereka.

Oleh itu, ibu bapa atau penjaga perlu diberi kesedaran bahawa kedudukan ekonomi sesuatu keluarga juga dapat diperbaiki melalui pendidikan anak-anak mereka.

Persekitaran:

Bahasa Arab merupakan suatu bahasa yang unggul dan unik tetapi dikatakan ianya suatu bahasa yang susah untuk dikuasai. Oleh itu, persekitaran yang baik mencipta suasana pengajaran dan pembelajaran yang berkesan perlu disediakan.

1 - Ruang

Ruang kelas yang sesuai dengan bilangan pelajar serta suasana yang ceria dapat membantu kelancaran proses pengajaran dan pembelajaran. Pelajar dapat mengikuti pelajaran dengan selesa tanpa menghadapi masalah tekanan emosi.

Dalam pengajaran bahasa, bilangan pelajar yang tidak terlalu ramai amat penting bagi memastikan objektif pengajaran tercapai. Bilangan yang sesuai bagi satu kelas atau kumpulan dicadangkan tidak melebihi 30 orang pelajar. Jika pelajar-pelajar itu terdiri dari pelajar-pelajar yang lemah maka bilangan itu perlulah dikurangkan lagi.

Begitu juga satu ruang untuk makmal bahasa Arab perlulah disediakan untuk membantu peningkatan pencapaian dan kemahiran bahasa Arab.

2. Masa:

Untuk meningkatkan pemerolehan pelajar dalam menguasai bahasa Arab maka dicadangkan supaya proses pembelajaran mereka diklasifikasikan kepada beberapa peringkat iaitu berikut:-

i) Peringkat permulaan memerlukan masa 280 jam untuk penguasaan mendengar dan menyebut, membina kemahiran, membaca dan menulis, penekanan prinsip-prinsip rencana serta penguasaan ayat-ayat yang digunakan dalam interaksi seharian.

ii) Peringkat pertengahan, dalam jangka masa yang sama dengan peringkat permulaan. Matlamat yang hendak dicapai ialah peningkatan kepada kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis, penguasaan terhadap bentuk-bentuk ayat yang betul seperti pemakaian al-Nawasikh pada ayat namaan.

iii) Peringkat tinggi, memerlukan jangka masa yang sama seperti di atas. Objektif yang hendak dicapai ialah peningkatan penguasaan dalam gaya bahasa dan ayat-ayat yang betul, peningkatan perbendaharaan kata melalui tek-tek pilihan dan peningkatan menulis karangan, berdialog, berpidato, berinteraksi serta pendedahan kepada penggunaan kamus bahasa Arab.

iv) Peringkat akhir, memerlukan masa yang lebih lama daripada yang sebelumnya. Tujuannya ialah peningkatan terhadap semua kemahiran dengan lebih banyak ditumpukan kepada sintaksis bahasa Arab bagi memantapkan kemahiran mereka.

Salah satu punca kelemahan pelajar dalam menguasai bahasa ialah kurangnya praktik penggunaan seharian. Oleh itu, masa untuk aktiviti-aktiviti ko-kurikulum diperuntukkan dengan secukupnya. Pelajar-pelajar hendaklah digalakkan bergiat dalam persatuan bahasa Arab. Minggu bahasa Arab perlu diadakan. Pengisian program ini ialah untuk melatih pelajar-pelajar bertutur

dalam bahasa Arab. Selain itu, pertandingan debat, kuiz, pidato dan menulis esei perlulah diadakan.

Latihan-latihan penggunaan al-Nawasikh perlu ditekankan supaya sesuatu ungkapan ayat digunakan dapat memberi makna yang hendak disampaikan dengan tepat.

Lawatan-lawatan sambil belajar ke tempat-tempat yang boleh membantu kemahiran mereka dalam bahasa Arab perlu diadakan.

3. Bahan:

Alat pandang-dengar diperlukan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa kedua. Pelajar dapat melihat dan mendengar pertuturan yang diungkapkan oleh penutur-penutur asli bahasa Arab. Dengan demikian mereka dapat memperbaiki kesilapan fonem mereka sewaktu menggunakan bahasa Arab.

Guru juga perlu diberi pendedahan dalam penggunaan media elektronik sebagai salah satu alat bantu mengajar seperti filem jalur dan slaid, radio, televisyen, komputer, perakam pita, projektor overhead (OHP), lutsinar dan sebagainya.

Penggunaan alat bantu mengajar ialah untuk menambah motivasi di kalangan guru-guru dan menarik minat pelajar juga menambah kefahaman mereka terhadap pelajaran bahasa Arab. Di samping itu, alat bantu mengajar juga dapat menjimatkan masa dan mempelbagaikan aktiviti.

4. Proses:

Pengajaran yang baik dan berkesan ialah pengajaran yang boleh mencapai tujuan sebagaimana yang dikehendaki.

Bagi mencapai matlamat pengajaran sintaksis bahasa Arab misalnya pemakaian al-Nawasikh pada ayat namaan, guru hendaklah merancang topik, objektif, isi, cara penyampaian dan penilaian yang secocok dengan kebolehan yang sedia ada serta minat pelajar.

Dengan kata lain, satu pendekatan sistematik kepada pengajaran bahasa Arab perlu dicadangkan.

Di bawah ini ialah dicadangkan satu model pendekatan sistematik kepada pengajaran bahasa Arab sebagai bahasa kedua. Pendekatan sistematik kepada pengajaran bahasa Arab terdiri daripada tiga aspek:-


Pertama: Objektif pengajaran, iaitu penentuan topik dan isi, penentuan kebolehan sedia ada dan penentuan objektif.

Kedua: Prosedur-prosedur pengajaran, iaitu penentuan strategi pengajian dan pembelajaran, penentuan masa, peningkatan isi, pemilihan sumber pengajaran-pembelajaran dan pengelolaan bilik darjah.

Ketiga: Penilaian, iaitu penilaian pencapaian, penganalisan maklum balas dan pengubahsuaian.

RAJAH PENGAJARAN - SATU PENDEKATAN SISTEMATIK

2. (PROSEDUR-PROSEDUR PENGAJARAN)



9.3 PENUTUP:

Sintaksis adalah merupakan salah satu bidang ilmu tatabahasa Arab. Ia berguna kepada pelajar peringkat tinggi, terutamanya pelajar-pelajar asing yang mempelajari bahasa Arab sebagai bahasa kedua. Kemahiran dalam bidang sintaksis bahasa Arab dapat membantu seseorang itu menguasai bahasa Arab dengan baik. Sintaksis juga sebagai alat untuk menerokai dan memahami buku-buku thurath dan akademik yang bertulis dalam bahasa Arab.

Tuan Guru Tok Kenali (1868-1933) - seorang tokoh ulamak terkenal tanah air dan dianggap pakar sintaksis bahasa Arab - berkata:

(النَّحْوُ زِينَةُ الْفَقِي وَالْفَقْهُ حِلْيَةُ * وَمَنْ خَلَا بَيْنَهُمَا فَاَعْدَدَهُ بِالْقُرْ)

"Ilmu Nahu (Sintaksis) itu kecantikan seseorang pemuda dan ilmu Feqah pula perhiasannya. Sesiapa yang tiada antara keduanya maka anggaplah ia (bodoh) seperti lembu".

Akhir sekali penulis mengharapkan semuga kajian yang sederhana ini dapat menjadi pendorong kepada pencinta bahasa Arab untuk membuat kajian yang lebih mendalam dalam bidang sintaksis bahasa Arab di samping membantu pelajar dan guru-guru dalam pengajaran dan pembelajaran mereka.

Penulis juga tidak menafikan terdapat kekurangan dan kelemahan dalam kajian ini. Oleh itu, sebarang teguran yang membina amat dialu-alukan. Segala kesilapan yang terdapat adalah kelemahan sendiri dan apa yang betul dan benar hanya datang daripada Allah s.w.t.

(والله أعلم)